

SURAT PEKELILING NO. 49/2006

DARIPADA : Setiausaha Kerajaan Negeri **KEPADA** : Semua Pegawai Daerah
selaku Pegawai Pelesenan

PERKARA : PINDAHMILIK SENAPANG PATAH SEMASA HAYAT

SALINAN KPD.: Semua Residen
Pesuruhjaya Polis Sarawak

RUJ. KAMI : JKM.P/SEC/01/003/10

TARIKH : 11 Disember 2006

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa setelah mempertimbangkan rayuan daripada orang ramai Kerajaan Negeri telah bersetuju bahawa selain daripada melalui probet di mana pindahmilik senapang patah hanya terhadap kepada anak lelaki atau anak perempuan sahaja, pemindahmilikan senapang patah juga dibenarkan semasa hayat sekiranya pemilik:

- i. mencapai umur 65 tahun; atau
- ii. disahkan tidak sihat oleh Pegawai Kesihatan daripada Hospital atau Klinik Kerajaan; atau
- iii. hilang keupayaan (incapacitated) untuk menggunakan senapang patah;

2. Bagi memastikan aspek keselamatan tidak diabaikan dan terjamin, syarat-syarat seperti di bawah masih lagi dikekalkan:

- i. Pindamilikan senapang patah hanya daripada ayah/ibu kepada anak lelaki/ anak perempuan sahaja;
- ii. Anak lelaki atau perempuan tersebut telah disahkan sihat untuk menggunakan senapang patah oleh Pegawai Perubatan daripada Hospital atau Klinik Kerajaan;
- iii. Senapang patah berkenaan telah disahkan oleh masih selamat untuk digunakan oleh Polis DiRaja Malaysia; dan
- iv. Syarat kegunaan senapang patah berkenaan hendaklah kekal seperti syarat kegunaan asal.

Kuasa bagi meluluskan pindahmilik semasa hayat ini masih di bawah bidangkuasa Residen.

3. Tuan-tuan adalah dinasihatkan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan keputusan tersebut yang berkuatkuasa daripada tarikh pekeliling ini.



(DATUK AMAR HAJI ABDUL AZIZ BIN DATO HAJI HUSAIN)

Setiausaha Kerajaan
Sarawak